

ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK (Part 3)

Azizi Hj Yahaya

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN GEJALA MELEPAK DI KALANGAN REMAJA

Golongan remaja yang terlibat dengan budaya lepak biasanya mempunyai ciri sosiobudaya tertentu seperti pendidikan tidak kesampaian atau keciciran lebih awal, kehidupan keluarga yang tidak terurus dengan baik, tiadanya keprihatinan dalam masyarakat dan tiadanya identiti diri yang kuat. Ini adalah hanya sebahagian daripada faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada faktor-faktor yang menyebabkan menularnya budaya lepak di kalangan remaja. Keempat-empat faktor utama yang dikenalpasti ini akan dikupas dengan lebih mendalam bagi mengenalpasti mengapa remaja khususnya terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat ini.

Pendidikan tidak kesampaian atau keciciran lebih awal akan menyebabkan pelajar tidak berminat untuk ke sekolah. Pelajar akan mendapati bahawa dirinya jauh ketinggalan dari rakan-rakan sekelas dan ini akan menyebabkan mereka berasa rendah diri dan berputus asa untuk belajar kerana tidak mampu bersaing. Guru pula biasanya akan mengabaikan segelintir pelajar yang tercicir ini kerana komitmen yang terhad. Jadi, biasanya sekelompok pelajar ini akan mendapati bahawa sekolah bukanlah sebuah tempat yang selesa untuk mereka. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Corno dan Mandinach dalam Razali (2004), yang menyatakan bahawa pelajar akan mendapati sesuatu pengajaran itu menarik dan tidak berasa bosan ke sekolah sekiranya mereka dapat mengawal emosi dengan baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pengawalan emosi yang baik ini berkait rapat dengan perasan selamat dan selesa dengan diri sendiri, persekitaran, guru dan rakan sebaya. Sekiranya pelajar tidak berasa selesa dengan diri sendiri kerana merasakan diri mereka tercicir dari segi akademik maka sudah pastilah keseronokan untuk belajar dan pergi ke sekolah itu tidak dapat dicapai malahan sekolah dianggap tempat yang membosankan. Maka tidak hairanlah kelompok pelajar ini lebih gemar untuk ponteng sekolah dan mengisi masa yang terluang dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melepak.

CONTINUE...